

05 JAN 2000

Mahathir-Ulama (Bergambar)

PM MINTA ULAMA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB TEGUR AJARAN SALAH

JITRA, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini meminta ulama di negara ini lebih bertanggungjawab dengan menegur individu atau kumpulan tertentu yang membawa ajaran yang bercanggah dengan Islam.

Dr Mahathir berkata terdapat golongan terbabit di negara ini yang membawa ajaran yang berbeza dengan empat mazhab yang dianuti oleh umat Islam ketika ini.

"Mereka ini membawa ajaran yang kononnya Islam. Tetapi, ajaran itu berbeza dengan ajaran Islam yang sebenarnya," katanya pada majlis berbuka puasa di masjid Kampung Bukit, Hosba di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed serta kira-kira 200 masyarakat tempatan dan 60 orang masyarakat Islam di lima wilayah selatan Thailand.

Perdana Menteri berkata masyarakat akan terikut dan terpengaruh dengan ajaran yang kononnya didakwa mengikut agama Islam akibat kurang kefahaman tentang Islam.

"Antara ajaran yang dibawa mereka ialah penyokong Umno tidak Islam, menyamak masjid yang digunakan oleh anggota Umno sebelum mereka bersembahyang dan bersembahyang di masjid lain kerana tidak mengiktiraf imam yang dilantik kerajaan," katanya.

Beliau berkata ulama seharusnya lebih berperanan dalam menyekat ajaran ini kerana masyarakat yang terburu-buru mudah mengikutinya dan kesan daripada itu boleh membawa kepada penyelewengan akidah.

"Golongan ini juga akan menyebabkan masyarakat berpecah belah serta bermusuhan. Ia akan membawa kepada kelemahan umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan meneruskan usaha bekerjasama dengan masyarakat Islam di lima wilayah selatan Thailand memandangkan mereka adalah saudara seagama.

"Kita merasakan kita mempunyai kemampuan dan akan menolong tidak kira dalam bentuk apa. Ini tidak bermaksud kita berniat untuk mencampuri urusan politik negara Thailand," katanya.

Perdana Menteri berkata antara kerjasama yang terjalin ialah memberi latihan kemahiran kepada golongan muda dari lima wilayah terbabit di institusi latihan di negara ini bagi mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran alaf baru.

"Kita lihat masyarakat di sana lebih baik berbanding dulu. Ada diantara mereka yang telah dilantik sebagai speaker dan menteri," katanya.

-- BERNAMA

MAN LAT